

SEMINAR PENGAJIAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
DI INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI
MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN



**ANJURAN
JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM**

**KERTAS KERJA IV
PENGAJIAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
DI FAKULTI SYARIAH AKADEMI ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**

**PROF. MADYA MAHMOOD ZUHDI HJ. AB.MAJID
PENSYARAH
FAKULTI SYARIAH
UNIVERSITI MALAYA**

**PADA
25 - 26 OGOS 1993**

**TEMPAT
BILIK JUMAAH
PARAS 5, BANGUNAN PENTADBIRAN
UKM BANGI**

[Handwritten signature]
Yabtu Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi

**PENGAJIAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
DI FAKULTI SYARIAH AKADEMI ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**

Oleh:

Prof. Madya Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid

Pengenalan

Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya pada asasnya lanjutan kepada Fakulti Syariah dan Undang-undang, Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan. Berasaskan kepada perakuan yang dibuat oleh Lembaga Pengajian Akademi Islam, Universiti Malaya, fakulti ini telah ditubuhkan pada tahun 1981, serentak dengan penubuhan Akademi Islam, Universiti Malaya sendiri sebagai sebuah cawangan kampus. Bersama-sama fakulti ini di bawah Akademi Islam telah ditubuhkan juga sebuah Fakulti Usuluddin, satu Program pendidikan Islam dan sebuah pusat metrikulasi yang diberi nama Pra Akademi Islam.

Buat masa sekarang Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya menawarkan tiga program pengajian, iaitu program perundangan, program perekonomian dan program politik dan pentadbiran. Pada asasnya program-program ini bersifat sepadu, dalam erti bahawa kursus-kursus Syariah dan sistem konvensional diberi pemberatan yang sama dalam bentuk bukan komparatif.

Pengajian Syariah dan Undang-undang

Bagi tujuan kertas ini hanya program perundangan sahaja yang akan diuraikan. Kerana program inilah yang menampung pengajian Syariah dan Undang-undang. Sedangkan program perekonomian terisi dengan pengajian Syariah dan ekonomi, sementara di bawah program politik dan pentadbiran pula ditawarkan kursus-kursus politik dan pentadbiran di samping subjek-subjek Syariah dalam pengertian yang digunakan dalam kertas ini.

Program perundangan ini boleh disifatkan sebagai terdiri dari dua pakej. Yang pertamanya ialah pakej ilmu-ilmu tradisi Syariah yang merupakan pakej guna sama dengan program-program lain. Sementara pakej kedua pula terdiri dari ilmu undang-undang konvensional samada yang dilaksanakan di mahkamah-mahkamah awam atau dimahkamah-mahkamah Syariah di negara ini. Di samping itu bahasa-bahasa Arab dan Inggeris kemahiran juga diajar sebagai mata-mata pelajaran dalam korikulum.

Kesepadan sama berat antara dua pakej ini diterapkan melalui bilangan kursus yang sama atau hampir sama antara kedua pakej berkenaan, penggunaan kaedah satu kursus satu unit dan pengekalan setiap kursus sebagai satu pengajian yang tersendiri dan bukan sebagai sebahagian dari topik-topik yang diperlukan dalam pengajian yang berbentuk komparatif.

Objektif Pengajian

Sesuai dengan objektif umum penubuhan Akademi Islam sendiri yang, antara lain untuk melahirkan siswazah yang berpengetahuan dan berjiwa Islam bagi menjadi pegawai tadbir, ahli pendidik, para penyelidik dan ahli profesional, objektif pengajian Syariah dan Undang-undang di Fakulti Syariah ini juga boleh disifatkan sebagai, antara lain untuk melahirkan para pendidik, pentadbir, ahli akademik dan profesional di bidang Syariah dan Undang-undang. Dalam bahasa yang lebih jelas, pengajian berkenaan mempunyai objektif untuk melahirkan para guru dan pensyarah, para penyelidik, para pegawai, peguam, hakim dan sebagainya dalam bidang-bidang Syariah dan Undang-undang.

Jelasnya, pengajian berkenaan mempunyai tujuan bukan semata-mata untuk melahirkan ahli-ahli ilmu kerana ilmu, tetapi sebaliknya melahirkan para graduan yang laku di pasaran kerjaya dalam bidang-bidang berkenaan. Oleh kerana itu berjaya atau tidaknya objektif ini banyak ditentukan oleh samada para graduan berkenaan benar-benar laku di semua pasaran kerjaya berkenaan atau sebaliknya.

Korikulum

Bagi mencapai objektif tersebut korikulum pengajian berkenaan telah digubah dalam bentuk yang merangkumi hampir ke seluruh syariah dan sebagainya.

semua mata pelajaran yang biasanya diajar di fakulti-fakulti Syariah dalam bentuknya yang tradisional dan yang biasanya diajar di Fakulti Undang-undang dalam bentuknya yang tradisional. Dengan kata lain, korikulum yang digunakan bagi pengajian berkenaan secara umumnya boleh disifatkan sebagai merangkumi matapelajaran-matapelajaran yang biasanya diajar dalam dua fakulti yang berasingan.

Untuk memenuhi kehendak korikulum yang berbentuk horizontal ini lebih kurang sepuluh subjek perlu diambil oleh setiap pelajar dalam setiap tahun pengajian dengan kadar 24 jam pertembungan dalam seminggu. (Lihat lampiran A)

Bahasa yang digunakan dalam kursus-kursus berkenaan ialah bahasa Arab bagi subjek-subjek Syariah klasik dan bahasa Melayu bagi mata-mata pelajaran undang-undang. Sebagaimana yang telah disebutkan di atas, bahasa Inggeris diajar sebagai satu mata pelajaran. Ia diajar dalam tahun-tahun pertama, kedua dan ketiga di samping bahasa Arab yang juga diajar di tahun akhir.

Pendekatan

Setakat ini pendekatan yang diambil dalam mengajar semua matapelajaran berkenaan lebih bersifat akademik dari kemahiran. Namun demikian beberapa program kemahiran juga diadakan seperti perbicaraan olok-lok (Mock trial), latihan-latihan di mahkamah-mahkamah Syariah dan sebagainya.

Sifat akademik ini juga mempengaruhi pemarkahan dalam ujian-ujian atau peperiksaan-peperiksaan yang diadakan. Keutamaan diberikan kepada penghasilan maklumat dan sedikit sahaja diberikan kepada aspek kemahiran dan kerja-kerja kursus.

Ijazah

Ijazah yang dikeluarkan ialah ijazah dalam pengajian Syariah (B.Sh.). Setakat ini belum diperkenalkan ijazah yang menggambarkan kursus-kursus yang sebenarnya diajar dalam pengajian berkenaan. Hanya transkrip sahaja yang memberikan gambaran sebenar tentang apa yang dipelajari oleh pelajar berkenaan.

Bidang Kerjaya Siswazah

Sebahagian besar siswazah tersalur ke bidang perguruan. Bilangan yang bekerja di bidang pentadbiran amat sedikit sekali. Paling sedikit ialah mereka yang bekerja di bidang perundangan.

TARAF ADDA

(1) SEJUMLAH UNIT YANG BERDIFERENSIAS

YF201 Fiqh al-Urrah	(1 Unit)	SA
YF205 Fiqh al-Muamalat I	(1 Unit)	RA
YF206 Usul al-Fiqh I	(1 Unit)	RA
YF207 Usul al-Fiqh II	(1 Unit)	RA
YF208 Hukumah al-Hadith	(1 Unit)	RA
TS201 Bahasa Arab	(1 Unit)	SA
TS202 Bahasa Inggeris	(1 Unit)	BI

Lampiran (A)**JADUAL KURSUS SARJANA MUDA SYARIAH****TAHUN PERTAMA**(1) **TUJUH Unit wajib berikut:**

YF101	Pengantar Hukum Islam	(1 Unit)	BM	2
YF102	Fiqh al-Ibadat	(1 Unit)	BA	2
YF104	Ulum al-Quran	(1 Unit)	BA	2
YF105	Ulum al-Hadith	(1 Unit)	BA	2
YF106	An-Nuzum al-Islamiyyah	(1 Unit)	BA	2
IB101	Bahasa Arab	(1 Unit)	BA	4
IB102	Bahasa Inggeris	(1 Unit)	BI	4

dan

(2) **YL101 Pengantar kepada Sistem Undang-Undang di Malaysia**

(1 Unit) BM 2

(1) **YL102 Undang-undang Perlembagaan dan Pentadbiran**

(1 Unit) BM 2

(1) **YL103 Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia**

(1 Unit) BM 2

atau

(3) **YE101 Prinsip-prinsip Ekonomi (1 Unit) BM 2****YE101 Kuantitatif I (1 Unit) BM 2**

atau

(4) **YL102 Undang-undang Perlembagaan****dan Pentadbiran (1 Unit) BM 2****YP103 Pengantar Sains Politik (1 Unit) BM 2****YP104 Asas Pemikiran Politik****Islam (1 Unit) BM 2****TAHUN KEDUA**(1) **TUJUH Unit wajib berikut:**

YF201	Fiqh al-Usrah	(1 Unit)	BA	2
YF205	Fiqh al-Muamalat I	(1 Unit)	BA	2
YF206	Usul al-Fiqh I	(1 Unit)	BA	2
YF207	Usul at-Tafsir	(1 Unit)	BA	2
YF208	Mustalah al-Hadith	(1 Unit)	BA	2
IB201	Bahasa Arab	(1 Unit)	BA	4
IB202	Bahasa Inggeris	(1 Unit)	BI	4

dan

(2) YL203	Undang-undang Kontrak	(1 Unit)	BM	2
YL204	Undang-undang Tanah	(1 Unit)	BM	2
YL205	Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam	(1 Unit)	BM	2

atau

(3) YE202	Kuantitatif II	(1 Unit)	BM	2
YE203	Ekonomi Mikro I	(1 Unit)	BM	2
YE204	Ekonomi Makro I	(1 Unit)	BM	2

atau

(4) YP201	Institusi Politik Islam	(1 Unit)	BM	2
YP203	Politik dan Masyarakat Malaysia	(1 Unit)	BM	2
YP204	Pengurusan Pentadbiran	(1 Unit)	BM	2

TAHUN KETIGA

(1) ENAM Unit wajib berikut:

YF301	Fiqh al-Jinayah	(1 Unit)	BA	2
YF305	Fiqh al-Muamalat II	(1 Unit)	BA	2
YF306	Usul al-Fiqh II	(1 Unit)	BA	2
YK301	Metodologi Penyelidikan	(1 Unit)	BM	2
IB301	Bahasa Arab	(1 Unit)	BA	4
IB302	Bahasa Inggeris	(1 Unit)	BI	4

dan

(2) YL301	Undang-undang Jenayah	(1 Unit)	BM	2
YL302	Undang-undang harta	(1 Unit)	BM	2
YL303	Undang-undang Zakat dan Baitulmal	(1 Unit)	BM	2
YL304	Nizam al-Qadza	(1 Unit)	BA	2

atau

(3) YE302	Pengantar Perakaunan	(1 Unit)	BM	2
YE303	Ekonomi Mikro II	(1 Unit)	BM	2
YE304	Ekonomi Makro II	(1 Unit)	BM	2
YE305	Pemikiran Ekonomi	(1 Unit)	BM	2

atau

(4) YP302	Hukum Islam Antarabangsa	(1 Unit)	BM	2
YP303	Politik Antarabangsa	(1 Unit)	BM	2
YP304	Sejarah Pemikiran Politik Moden	(1 Unit)	BM	2
YP305	Pentadbiran Awam	(1 Unit)	BM	2

TAHUN KEEMPAT

(1) LIMA Unit wajib berikut:

YF401	Fiqh al-Mawarith	(1 Unit)	BA	2
YF405	Qawa'id al-Fiqhiyah	(1 Unit)	BA	2
YF406	Usul al-Fiqh III	(1 Unit)	BA	2
YK401	Kertas Projek	(2 Unit)	BM	2
IB401	Bahasa Arab	(1 Unit)	BA	4

dan

(2) VL401	Undang-undang Keterangan	(1 Unit)	BM	2
YL402	Undang-undang Acara Sivil	(1 Unit)	BM	2
YL403	Undang-undang Acara Jenayah	(1 Unit)	BM	2
YL404	Fiqh ad-Da'wa Wal-Baiyyinat	(1 Unit)	BA	2

atau

YE402	Ekonomi Perancangan dan Pembangunan	(1 Unit)	BM	2
YE403	Pemikiran Ekonomi	(1 Unit)	BM	2
YE404	Seminar Ekonomi Malaysia dan Isu-isu Semasa	(1 Unit)	MM	2

atau

(4) YP403	Islam dan Ideologi Barat	(1 Unit)	BM	2
YP404	Politik Perbandingan	(1 Unit)	BM	2
YP405	Pentadbiran Kakitangan dan Organisasi	(1 Unit)	BM	2
YP406	Seminar Isu-isu Politik Semasa	(1 Unit)	BM	2